



UM.R/CDE/404/8

22 April 2024

**KEPADA YANG BERKENAAN**

YBhg. Dato'/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**JEMPUTAN PENYERTAAN KE KONVENTSYEN KEBANGSAAN MERINTIS HALANGAN: KESIHATAN MENTAL, AMALAN SUMBER MANUSIA DAN OKU 2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Kaunseling & Pemeriksaan OKU (CDE), Universiti Malaya akan menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Merintis Halangan: Kesihatan Mental, Amalan Sumber Manusia dan OKU 2024 bertemakan *Empowering Well-being* memfokuskan kesihatan mental, sumber manusia dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

3. Sehubungan itu, pihak kami dengan hormatnya ingin memanjangkan jemputan kepada organisasi YBhg. Dato'/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan untuk menyertai konvensyen ini yang akan berlangsung pada butiran seperti berikut:

Tarikh	: 21 - 22 Oktober 2024 (Isnin - Selasa)
Masa	: 9.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat	: Shah Alam Convention Centre

4. Untuk makluman, konvensyen ini adalah terbuka kepada semua golongan masyarakat termasuk orang awam, pelajar, kakitangan akademik dan bukan akademik swasta / kerajaan, orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya. Pihak kami berbesar hati untuk mengalu-alukan sekurang-kurangnya LIMA (5) penyertaan daripada organisasi YBhg. Dato'/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan untuk mengikuti konvensyen yang bermanfaat ini. Poster dan aturcara konvensyen dilampirkan untuk rujukan YBhg. Dato'/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

5. Yuran konvensyen merangkumi kit pendaftaran, makan minum, dan penyertaan dalam tiga (3) slot diskusi yang akan membincangkan pelbagai isu berkaitan kesihatan mental, sumber manusia dan inklusiviti; dua (2) bengkel berdasarkan teknik dan kemahiran daya tahan, terapi seni dan musik, dan dua (2) forum berfokuskan krisis kewangan dan pengurusan OKU di peringkat pengajian tinggi. Selain itu, peserta juga boleh menyertai pertandingan pameran berbentuk projek / penyelidikan kategori akademik dan bukan akademik tanpa yuran tambahan.

6. Bayaran yuran boleh dibuat melalui empat kaedah seperti berikut:

- (i). **E-PAY UM** : Sila klik di pautan epay.um.edu.my -> Log Masuk (DIWAJIBKAN) -> Utama - pilih BAYARAN MENGIKUT KATEGORI -> YURAN PENYERTAAN -> Jabatan Pendaftar - Bahagian Kaunseling dan Pemerkasaan OKU (CDE) - Yuran Seminar/Conference \*\*\*Nota penting: Sila masukkan dan pastikan maklumat bayaran adalah betul. Pada bahagian "Keterangan" mohon masukkan (Yuran Penyertaan NCSHD24); atau
- (ii). **Bayaran pindahan EFT** (Electronic Fund Transfer) ke akaun Rasmi Bendahari, Universiti Malaya - CIMB BANK BERHAD - No. Akaun 8001279998 \*\*\*Rujukan: Yuran Penyertaan NCSHD24; atau
- (iii). **Pindahan Jurnal** [untuk warga Universiti Malaya sahaja]: Kelulusan kewangan bagi penyertaan dan bayaran yuran daripada jabatan masing-masing; atau
- (iv). **Letter Offer / Purchase Order / E-Procurement** [badan berkanun/kerajaan sahaja]: Kelulusan kewangan bagi penyertaan dan bayaran yuran daripada agensi masing-masing.

7. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi urusetia melalui emel kaunseling@um.edu.my atau di talian 03-7967 3342 / 3322 atau 7783 (urusan kewangan). Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan dalam menyokong program ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

Yang benar,

LIZAWATI ABD SANE K.B.;P.A

Pengarah

Pusat Kaunseling dan Pemerkasaan OKU

Portfolio Pendaftar

LAS/SLYR